

10 NOV 1998

Parlimen-Gulung (Pertahanan)

MASALAH POLITIK TIDAK JEJAS HUBUNGAN MALAYSIA DGN NEGARA LAIN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Hubungan Malaysia dengan negara-negara lain termasuk negara Asean tidak terjejas walaupun negara menghadapi masalah ekonomi dan politik, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini terbukti dengan sokongan besar yang diperolehi Malaysia ketika pemilihan kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini.

Jumlah undi yang diperolehi Malaysia iaitu 174 daripada 176 negara merupakan yang terbesar yang pernah diperolehi oleh negara-negara yang bertanding untuk kerusi itu, katanya ketika menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

Abdullah berkata, kejayaan itu juga adalah hasil perkhidmatan yang cekap duta Malaysia yang turut diberi maklumat secukupnya berkaitan isu politik dan kegawatan ekonomi negara serta langkah-langkah pemulihan untuk dijelaskan kepada negara-negara asing.

Beliau juga berkata, dua orang duta telah diberi nasihat dan penjelasan setelah kementerian menerima laporan berhubung pembabitan mereka yang bertentangan dengan keputusan kerajaan mengenai isu politik negara.

Hasil siasatan mendapati berlaku silap faham di kalangan dua duta itu dan bukannya disebabkan pembabitan yang sengaja dan tidak setia serta mengutuk kerajaan, katanya.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura, beliau berkata, pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Thong di sini minggu lepas merupakan perkembangan terbaru bagi membantu memulihkan hubungan kedua-dua negara yang sekian lama berada pada tahap rendah disebabkan beberapa masalah.

Katanya, beberapa persefahaman telah dicapai pada pertemuan itu termasuk isu berkaitan air, Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan tanah KTM di negara berkenaan untuk diadakan perbincangan lebih lanjut di peringkat pegawai.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar pula berkata kerajaan tidak bercadang mengubah sistem undi pos untuk angkatan tentera kerana ia didapati sesuai berdasarkan penempatan tentera dan juga kem mereka yang bertaburan di seluruh negara.

Kerajaan juga tidak bercadang membenarkan parti politik beroperasi di kem tentera kerana ia boleh mengganggu ketenteraman di dalam kem berkenaan, katanya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang menggulung bagi kementerian itu berkata konsep payung yang memberikan kontrak membina jalan kampung terus kepada kontraktor, tidak akan diteruskan tahun depan.

Bagaimanapun, kementerian akan menyediakan laporan mengenai pelaksanaan konsep itu kepada kerajaan bagi menentukan sama ada ia bakal diteruskan atau tidak di tahun-tahun berikutnya.

Beliau tidak menafikan di sebalik pelbagai kecaman, konsep itu juga mempunyai kelebihan seperti jalan lebih cepat dibina dan lebih banyak kontraktor Kelas F terlibat manakala mutu jalan yang dibina juga meningkat.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh pula berkata kementerian itu akan mengadakan jaringan dengan para usahawan bagi memastikan produk keluaran setiap usahawan berkenaan dapat dipasarkan di dalam dan luar negeri.

Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) sebelum itu ketika bangun meminta penjelasan mencadangkan supaya kementerian mempunyai satu unit pemasaran

bagi membantu usahawan Bumiputera terutama di luar bandar memasarkan produk mereka.

Beliau mendakwa bahawa produk keluaran usahawan dari negeri utara misalnya, tidak sampai ke bandar-bandar besar terutama di ibu negara.

Mengenai permit teksi, Idris berkata baru-baru ini kementerian telah meluluskan 100 permit kepada sebuah syarikat yang dimiliki penuh oleh pemandu-pemandu teksi.

Menurut beliau, jika pemandu-pemandu teksi berkenaan memberi perkhidmatan baik, kementerian bercadang menambahkan lagi permit khas bagi syarikat yang dimiliki oleh pemandu-pemandu teksi sendiri.

Mengenai cadangan supaya pegawai penguatkuasa kementerian kerap mengadakan pemeriksaan mengejut di Hentian Pudu Raya dan Hentian Putra, beliau berkata perkara itu memang sentiasa diadakan.

Namun, katanya, adalah lebih baik jika pengguna yang mengetahui berlakunya penipuan oleh pemandu-pemandu teksi supaya membuat pengaduan terus kepada kementerian agar tindakan tegas boleh diambil.

Idris berkata kementerian juga sedang mengkaji semula Skim Usahawan Siswazah bagi memastikan skim itu lebih berkesan.

Menurut beliau, skim itu yang dikhaskan kepada siswazah menganggur tidak mendapat sambutan kerana gaji yang ditawarkan sebanyak RM800 sebulan tidak menarik minat golongan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Aziz semasa menjawab soalan-soalan berkaitan Jabatan Perdana Menteri menafikan dakwaan pembangkang bahawa terdapat krisis keyakinan terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman di negara ini.

Katanya, ini kerana Badan Eksekutif tidak pernah mengawal atau menguasai kebebasan Badan Kehakiman.

"Sesiapa sahaja yang bersalah akan diambil tindakan mengikut undang-undang yang sedia ada dan mereka mempunyai hak membela diri di mahkamah. Hakim pula bebas mengendalikan dan membuat keputusan tanpa campur tangan mana-mana pihak," katanya.

Beliau juga berkata Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih diperlukan kerana terdapat golongan-golongan tertentu yang suka memainkan emosi rakyat sehingga boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Mengenai cadangan supaya jawatan Timbalan Perdana Menteri diisi segera bagi mengambil alih tempat Perdana Menteri jika keadaan memerlukan, beliau berkata kerajaan akan mengisi jawatan itu apabila perlu.

"Sekiranya apa-apa terjadi kepada Perdana Menteri, parti pemerintah Barisan Nasional berupaya untuk mencari pengganti," katanya.

Mengenai gesaan beberapa anggota Parlimen supaya kerajaan segera menyediakan laporan hasil siasatan terhadap kecederaan mata bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan, beliau berkata Jabatan Peguam Negara akan meneliti perkara itu.

Katanya, sebarang keputusan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap sesiapa yang didapati terlibat akan diputuskan berpandukan keterangan yang ditampilkkan dalam hasil siasatan itu.

Semasa perbahasan, Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang) dan Datuk Abu Zahar Ujang (BN-Kuala Pilah) menggesa kerajaan menyediakan laporan itu untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Persidangan Dewan disambung esok.

-- BERNAMA

HJ AKD